

27/09/2001

Pas sokong kenyataan tegas Dr Mahathir

KUALA TERENGGANU, Rabu - Pas sependapat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam isu serangan berani mati terhadap Amerika Syarikat dan tuduhan negara itu terhadap Malaysia yang kononnya menyembunyikan pengganas.

Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata Amerika tidak boleh menghukum Malaysia atas alasan adanya senarai orang tertentu melawat negara ini pada masa tertentu.

"Malaysia tidak semestinya diisytiharkan sebagai menyokong atau bersekongkol dengan pihak tertentu hanya kerana mereka datang ke negara ini.

"Sebagai contoh, Malaysia tidak semestinya menyokong atau menjadi seperti Cuba, hanya dengan alasan presiden negara itu, Fidel Castro, melawat negara ini," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Hadi berkata, saranan Perdana Menteri adalah benar iaitu Amerika perlu menyediakan bukti terhadap tuduhan penjenayah tertentu sebelum mereka diambil tindakan.

Selain itu, katanya, pembunuhan Osama bin Laden, juga tidak akan menyelesaikan masalah, bahkan akan lahir 1,000 lagi Osama jika pembunuhan dilakukan secara zalim dan kejam.

Mengulas mengenai pakej dana tambahan sebanyak RM4.3 bilion untuk menjana ekonomi negara, Hadi berkata, Malaysia perlu mengambil strategi untuk menyediakan bekalan makanan keperluan yang mencukupi untuk rakyat.

"Bukan sekadar menyuntik dana yang besar tetapi keperluan rakyat perlu diatasi untuk menghadapi keadaan perkembangan ekonomi dunia yang tidak menentu sekarang," katanya.

Beliau berkata, suntikan perlu dilakukan dengan adil kepada semua negeri dan tidak ditumpukan kepada negeri tertentu saja kerana semua negeri berada dalam sebuah persekutuan yang mengamalkan demokrasi.

(END)